

UM - 30/8/2006

Najib mahu rakyat Malaysia membaca

PUTRAJAYA 29 Ogos - Rakyat Malaysia digalakkan membaca bagi mendapatkan lebih banyak maklumat yang boleh digunakan untuk menyumbang kepada kejayaan negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, proses pembacaan itu akan membolehkan mereka mempelajari sesuatu termasuk daripada peristiwa sejarah.

"Kita boleh belajar melalui sejarah, bukan yang baik sahaja malah yang buruk juga kerana pengalaman buruk itu boleh menjadi pengajaran," katanya ketika berucap melancarkan Volume 11 Encyclopaedia Malaysia bertajuk *Kerajaan dan Politik* di sini, hari ini.

Beliau juga melancarkan laman web rasmi Encyclopaedia iaitu www.encyclopedia.com.my.

Hadir sama ialah Pengerusi dan Lembaga

Penasihat Editorial Encyclopaedia Malaysia, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Encyclopaedia itu dipenuhi dengan maklumat meliputi gambar berwarna, hasil seni, diagram dan peta.

Mengenai Encyclopaedia itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau gembira kerana banyak syarikat Malaysia yang telah memberi sumbangan kewangan untuk membolehkan projek berkenaan dijayakan.

Jelasnya, ia memberikan gambaran mengenai negara pada 1940 yang memfokuskan kepada pembangunan Malaya setelah Jepun menamatkan pendudukannya di negara ini serta saat-saat negara mengecap kemerdekaan.

"Ia memaparkan pelbagai perkara daripada aspek kerajaan, politik dan sistem parti, institusi sosial hingga ke dasar luar," katanya.